MEMBELA
WEALTH DISTRIBUTION
YAYASAN JCORP
Edisi 2026 • Bil 2



Mencipta Impak. Memacu Masa Depan Yang Mampan.

Penganjuran JCorp Group Sustainability & Yayasan JCorp Open Day 2026 menandakan satu detik penting bagi Johor Corporation (JCorp) dengan menghimpunkan agenda kelestarian, kerjasama strategik dan penglibatan komuniti dalam satu platform bersepadu.

Berlangsung pada 26 dan 27 April 2026 di B5 Johor Street Market, Hari Terbuka ini mengetengahkan pelbagai inisiatif kelestarian Kumpulan JCorp serta impaknya terhadap kesejahteraan masyarakat dan alam sekitar. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor. Antara pengisian utama ialah pertukaran tiga dokumen kerjasama strategik melibatkan Johor Sustainability Centre (JSC), Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Tourism Johor, Johor Skills Development Centre dan PERHEBAT. Kerjasama ini mencerminkan komitmen bersama untuk memperkukuh usaha pembangunan lestari serta memperluas manfaatnya kepada masyarakat dan alam sekitar di seluruh Johor.

Menerusi penganjuran Hari Terbuka ini, Yayasan JCorp terus memperkukuh usaha menghasilkan impak melalui empat bidang fokus utamanya iaitu Pendidikan, Seni, Budaya & Warisan, Alam Sekitar serta Kesejahteraan Komuniti. Komitmen ini diterjemahkan melalui pelbagai program utama seperti Pentas Seni Johor, Mehlah Zapin Johor, Waste to Wonders, Bengkel Kreatif, Pasar Seni, Projek WARO serta platform penglibatan komuniti seperti Sembang Santai. Kesemua inisiatif ini menyokong usaha menyemai kreativiti, menggalakkan amalan kelestarian serta memperkasa komuniti yang berdaya tahan dan inklusif.

Imbas kod QR untuk melihat sorotan acara:

SDG Berkaitan



Objektif Program

Menzahirkan komitmen JCorp terhadap kelestarian dan kecemerlangan impak sosial.

Meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang impak Yayasan JCorp melalui empat bidang fokus utamanya.

Membentuk kerjasama strategik bagi **memacu pembangunan mampan dan mewujudkan nilai jangka panjang.**

Impak Program

16,628 pengunjung menghadiri JCorp Group Sustainability & Yayasan JCorp Open Day 2026 dan **18** rakan strategik berpotensi dikenal pasti.

Seramai **45 isi rumah** menyertai inisiatif kitar semula Waste to Wonders, dengan **2.5 tan** bahan kitar semula berjaya dikumpul.

Jumlah jualan sebanyak **RM538,166** berjaya dijana oleh artis, pengusaha kraf, penyewa premis dan peniaga makanan tempatan (WARO) sepanjang acara berlangsung.

Seramai **7,988 pengunjung** menghadiri konsert Pentas Seni Johor.

Isi **Kandungan**

01 Memperkasa Pendidikan

Membina Generasi Perintis Masa Hadapan melalui Pertanian Pintar 3

Memperkasa Pendidik. Menyemarakkan Inovasi. Membentuk Generasi Masa Hadapan. 4

DigiLIT: Merapatkan Jurang Digital 5

02 Memperkaya Seni, Budaya & Warisan

Yayasan JCorp Mengangkat Warisan Johor ke Pentas Dunia 6

Meraikan Seni, Budaya dan Warisan di Yayasan JCorp Open Day 7

03 Memelihara Alam Sekitar

Memupuk Gaya Hidup Mampan di Yayasan JCorp Open Day 8

1 Million Roots for the Future: Satu Benih, Sejuta Harapan 9

04 Menjamin Kesejahteraan Komuniti

Memperkukuh Silaturahim melalui Keprihatinan dan Kasih Sayang 10

Neurodivergent Raya Fun Run 2026: Menyemai Semangat Kebersamaan 11

Program Korban Kasih 2026 12

05 Aktiviti Kumpulan JCorp

Memperluas Akses Perkhidmatan Kesihatan bagi Komuniti Pulau Aur 13

06 Kalendar Aktiviti

Suku Tahun yang Dinamik: Aktiviti dan Libat Urus Yayasan JCorp pada Suku Kedua Tahun 2026 14



Yayasan JCorp Education

Pendidikan



Yayasan JCorp Environment

Alam Sekitar



Yayasan JCorp Art, Culture & Heritage

Seni, Budaya & Warisan



Yayasan JCorp Community Wellbeing

Kesejahteraan Komuniti

Membina Generasi Perintis Masa Hadapan melalui Pertanian Pintar



Yayasan JCorp terus memperkukuh pembelajaran STEM yang menyokong kelestarian menerusi pembangunan dua buah Rumah Hijau Pertanian Pintar baharu di bawah Program Sustainable School – STEM. Perasmian rumah hijau ketujuh di SMK Seri Kota Puteri 2 telah diadakan pada 10 Jun 2026, manakala rumah hijau kelapan di SMK Tasek Utara pada 30 Jun 2026.

Dengan kerjasama Johor Plantations Group Berhad (JPG) dan Waqaf An-Nur, setiap rumah hijau berkeluasan 600 kaki persegi dilengkapi dengan teknologi Internet of Things (IoT) bagi menyokong pembelajaran berasaskan pengalaman dalam bidang pertanian moden, kelestarian dan inovasi digital.

Majlis pelancaran di SMK Seri Kota Puteri 2 telah disempurnakan oleh Tuan Haji Abdul Karim Masiran, Penolong Pengarah Kanan (TVET), Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Bagi SMK Tasek Utara, majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Encik Wan Adlin Wan Mahmood, Ketua Pegawai Komersial, Bahagian Komersial & Kelestarian, Johor Plantations Group, sekali gus menandakan satu lagi langkah ke arah melahirkan generasi pemimpin masa hadapan.





Impak Program

8 Rumah Hijau Pertanian Pintar dibangunkan di seluruh Johor, sekali gus memperluas akses kepada pendidikan STEM dan amalan pertanian mampan.

240 murid dan 40 guru mendapat pendedahan kepada agri-teknologi dan kemahiran pertanian pintar melalui latihan amali.

Mewujudkan peluang menjana pendapatan secara mampan, dengan setiap rumah hijau berpotensi memberikan hasil melebihi **RM1,000** bagi setiap tuaian.

Objektif Program

Memperkukuh pendidikan STEM melalui pembelajaran berasaskan pengalaman yang menggabungkan pertanian pintar, teknologi moden dan *Internet of Things* (IoT).

Melahirkan murid yang bersedia menghadapi cabaran masa hadapan dengan kemahiran digital dan pemikiran kritis bagi menyokong pembangunan ekonomi hijau.

Meningkatkan kesedaran tentang kelestarian alam sekitar melalui kerjasama strategik serta penerapan amalan mampan.

Imbas kod QR berikut untuk mengetahui lebih lanjut tentang kedua-dua Rumah Hijau Pertanian Pintar yang dilancarkan:

SDG Berkaitan



Memperkasa Pendidik. Menyemarakkan Inovasi. Membentuk Generasi Masa Hadapan.

Yayasan JCorp terus memperkasa pendidikan STEM, inovasi dan kelestarian menerusi penganjuran Sustainable School – STEM Symposium 2026. Disempurnakan oleh YB Dato' Mizan Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp pada 11 Jun 2026, simposium ini menghimpunkan 300 pendidik, penggubal dasar dan rakan strategik bagi meraikan kerjasama serta pembelajaran berteraskan kelestarian di bawah Program Sustainable School – STEM.

Antara acara utama simposium ini ialah Pameran dan Pertandingan Prototaip STEM, yang menyaksikan setiap sekolah membentangkan hasil inovasi yang dibangunkan dan dilaksanakan dalam pembelajaran di bilik darjah. SMK Bandar Baru Uda dinobatkan sebagai juara keseluruhan atas inovasi cemerlang serta penerapan pembelajaran STEM di sekolah tersebut. Acara ini turut mencatat satu lagi pencapaian penting menerusi pemeteraian Heads of Agreement (HOA) antara Yayasan JCorp dengan Petrosains, yang membuka peluang lebih luas untuk pembelajaran STEM serta pelaksanaan program inovasi pada masa hadapan.

Sejak 2023, program ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ), Singapore National Institute of Education (NIE) dan Temasek Foundation, menerusi kerjasama strategik dan pengalaman pembelajaran secara amali bagi memperkukuh pendidikan STEM untuk masa hadapan.

Imbas kod QR untuk menyaksikan sorotan simposium:

SDG Berkaitan







Pameran Prototaip STEM dan Pemenang Pertandingan

1

SMK Bandar Baru Uda, Johor Bahru

Prototaip

BitBites:
Poultry – The Weaknesses of Hanging Hoppers and How to Solve Them

2

SMK Teluk Kerang, Pontian

Prototaip

Smart AquaGrow:
The Sustainable Aquaponic System Project

3

SMK Seri Medan, Batu Pahat

Prototaip

Making Compost from Plant Waste:
A Practical Guide to Natural Recycling and Micro Monitoring

Objektif Program

Mengetengahkan prototaip dan penyelesaian STEM inovatif yang dibangunkan oleh guru melalui program peningkatan kapasiti bersama National Institute of Education (NIE), Singapura.

Memperkukuh perkongsian amalan terbaik antara sekolah rintis dengan sekolah-sekolah sekitar bagi **meningkatkan kualiti pendidikan** STEM di Johor.

Memantapkan kerjasama strategik antara pihak berkepentingan dalam pendidikan dengan institusi antarabangsa bagi memacu inovasi, perkongsian ilmu dan pembangunan STEM yang mampan.

Impak Program

Memperluas kerjasama strategik dengan empat rakan dalam bidang pendidikan dan industri bagi memperkaya perkongsian ilmu, memacu inovasi pendidikan dan meningkatkan kecemerlangan STEM.

Mengetengahkan tujuh prototaip STEM inovatif hasil ciptaan sekolah yang mengambil bahagian, dengan menampilkan penyelesaian kreatif dan aplikasi praktikal.

Menghimpunkan **300** pendidik, penggubal dasar dan rakan strategik bagi memperluas kerjasama serta memacu inovasi dalam pendidikan STEM.

DigiLIT: Merapatkan Jurang Digital

Yayasan JCorp terus memperluas akses digital menerusi pelancaran DigiLIT di SK Sayong Pinang pada 8 April 2026. Dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) dan ICP Piles Cawangan Senai, inisiatif ini bertujuan merapatkan jurang digital dalam kalangan murid luar bandar dan daripada keluarga B40, sekali gus membuka lebih banyak peluang pembelajaran.

Dengan sumbangan sebanyak RM80,000 bagi tahun 2026, inisiatif ini meneruskan usaha tahun sebelumnya dengan memperkukuh ekosistem pembelajaran sekolah melalui penyediaan papan pintar tambahan, penaiktarafan kemudahan pembelajaran serta pelaksanaan bengkel kemahiran digital. Majlis pelancaran program telah disempurnakan oleh Encik Zulkurnain bin Abdul Rahman, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Johor, dan turut dihadiri oleh YB Dato' Mizan Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, serta Encik Stanley Pao Siong Tan, Ketua Kilang ICP Piles Cawangan Senai.









Imbas kod QR ini untuk maklumat lanjut mengenai majlis ini:

SDG Berkaitan



Objektif Program

Memperluas akses kepada teknologi digital dan peluang pembelajaran bagi murid luar bandar serta komuniti yang kurang mendapat kemudahan.

Mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran melalui penaiktarafan infrastruktur teknologi serta inisiatif literasi digital.

Memperkukuh kerjasama antara sektor pendidikan dan rakan industri bagi membentuk ekosistem pembelajaran yang bersedia menghadapi keperluan masa hadapan.

Impak Program

Seramai **65 murid** SK Sayong Pinang menerima manfaat melalui penaiktarafan kemudahan pembelajaran, bengkel kemahiran digital dan penyediaan papan pintar interaktif.

Sumbangan sebanyak **RM80,000** bagi memperkukuh ekosistem pembelajaran digital sekolah.

Yayasan JCorp Mengangkat Warisan Johor ke Pentas Dunia

Yayasan JCorp mencipta pencapaian membanggakan dalam mengangkat warisan kulinari Johor menerusi penghasilan Barisan Laksa Johor Terpanjang sempena World Chefs Championship (WCC) 2026 di Persada Johor pada 21 Mei 2026. Diiktiraf oleh Asia Book of Records dan ASEAN Records, barisan sepanjang 108 meter ini melibatkan 1,200 mangkuk Laksa Johor yang disediakan oleh 30 cef, terdiri daripada 11 cef antarabangsa yang menyertai kejohanan tersebut dan 19 usahawan gastronomi Johor di bawah Projek WARO (Warisan Asli, Rasa Original) Yayasan JCorp.

Pencapaian ini bukan sekadar mencipta rekod baharu, malah menjadi platform untuk memperkenalkan warisan kulinari Johor kepada khalayak antarabangsa yang terdiri daripada wakil 42 negara serta lebih 2,389 peserta dan pengunjung.

Inisiatif ini dilaksanakan dengan kerjasama Tourism Johor dan Malaysian Culinary Masters Association (MCMA), sekali gus mencerminkan komitmen berterusan Yayasan JCorp dalam memelihara warisan budaya Johor, memperkasa komuniti tempatan dan mengangkat keunikan identiti negeri ke persada antarabangsa.

Selain itu, program ini turut memperkukuh ekosistem kulinari Johor melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan, rakan pelancongan, pakar kulinari, usahawan tempatan dan komuniti.

Selain itu, kehadiran cef terkenal Martin Yan, pengacara rancangan Yan Can Cook, turut menyerlahkan daya tarikan antarabangsa acara ini sekali gus menyokong kempen Tahun Melawat Johor 2026.

Impak Program

Mencatat pencapaian dalam Asia Book of Records dan ASEAN Records menerusi penghasilan Barisan Laksa Johor Terpanjang **sepanjang 108 meter**, menggunakan **1,200 mangkuk** yang disediakan oleh **30 cef**.

Memperluas peluang ekonomi kepada usahawan gastronomi tempatan melalui Projek WARO dengan menyediakan platform jualan dan promosi bagi perniagaan makanan di Johor.

Menjangkau lebih **2,389 peserta** dari 42 negara, sekali gus memperkenalkan warisan budaya Johor menerusi Laksa Johor.







Objektif Program

Mengangkat warisan gastronomi Johor ke persada antarabangsa menerusi pengenalan Laksa Johor.

Memperluas peluang perniagaan dan akses pasaran kepada usahawan gastronomi tempatan melalui Projek WARO (Warisan Asli, Rasa Original).

Memantapkan kerjasama strategik antara agensi kerajaan, pemain industri, pakar kulinari dan komuniti tempatan bagi memajukan ekosistem pelancongan dan kebudayaan Johor.

Imbas kod QR ini untuk menyaksikan detik bersejarah penciptaan rekod ini:

SDG Berkaitan



Meraikan Seni, Budaya dan Warisan di Yayasan JCorp Open Day



JCorp Group Sustainability & Yayasan JCorp Open Day 2026 menjadi platform untuk mengetengahkan seni, budaya dan warisan Johor, sekali gus meraikan identiti kreatif negeri menerusi pelbagai aktiviti kebudayaan dan penglibatan komuniti.

Antara tarikan utama ialah persembahan Pentas Seni Johor yang menarik seramai 7,988 pengunjung, menampilkan artis tempatan seperti Bunkface, Fugo dan Edmire Acoustic. Persembahan ini bukan sahaja menghiburkan pengunjung, malah membuka ruang kepada penggiat seni tempatan untuk mengetengahkan bakat serta meningkatkan apresiasi terhadap seni dan kreativiti Johor. Pengunjung turut berpeluang mengenali warisan budaya Johor menerusi bengkel interaktif Mehla Zapin Johor. Dengan bimbingan penggiat seni berpengalaman, peserta berpeluang mempelajari seni tari zapin, sekali gus meningkatkan penghayatan dan menyokong usaha memelihara tradisi budaya negeri.

Pasar Seni (Artisan Market) turut menghimpunkan pengusaha kraf tempatan untuk mengetengahkan hasil seni yang diinspirasikan oleh budaya dan warisan Johor, manakala Projek WARO (Warisan Asli, Rasa Original) memperkenalkan sajian autentik Johor menerusi penyertaan usahawan makanan warisan. Kedua-dua inisiatif ini membuka peluang pasaran yang lebih luas kepada usahawan tempatan, menyokong penjanaan pendapatan serta memperkenalkan keunikan seni, kraf dan warisan kulinari Johor kepada khalayak yang lebih luas.

Mempromosikan seni, budaya dan warisan Johor menerusi persembahan, pengalaman kebudayaan serta aktiviti komuniti berteraskan warisan.

Objektif Program

Menyediakan platform kepada **artis, pengusaha kraf dan usahawan makanan** warisan tempatan untuk mengetengahkan bakat serta hasil kreativiti mereka.

Memupuk penghayatan dan penglibatan komuniti dalam memelihara identiti budaya Johor menerusi **program seni dan warisan interaktif**.



Impak Program

- Seramai **300 peserta** menyertai bengkel Mehla Zapin Johor, sekali gus meningkatkan penghayatan terhadap seni persembahan tradisional serta menyokong usaha memelihara warisan budaya Johor.
- Seramai **15 pengusaha kraf dan 13 usahawan makanan** warisan tempatan mendapat manfaat melalui Pasar Seni (Artisan Market) dan Projek WARO (Warisan Asli, Rasa Original).
- Seramai **7,988 pengunjung** memeriahkan Pentas Seni Johor.

SDG Berkaitan



Memupuk Gaya Hidup Mampan di Yayasan JCorp Open Day

Waste to Wonders merupakan antara tarikan utama alam sekitar sempena JCorp Group Sustainability & Yayasan JCorp Open Day 2026, dengan matlamat memupuk gaya hidup lestari melalui tindakan praktikal. Sebagai inisiatif berteraskan komuniti, program ini memberi pendedahan kepada pengunjung melalui pelbagai aktiviti yang memfokuskan kitar semula, kreativiti dan kesedaran terhadap alam sekitar.

Antara pengisian utama ialah program Drive-Thru Recycling yang berjaya mengumpulkan 2.5 tan bahan kitar semula daripada 45 isi rumah yang mengambil bahagian. Sambutan menggalakkan ini mencerminkan semangat kebersamaan komuniti serta impak positif yang dapat dicapai terhadap alam sekitar melalui amalan lestari harian. Kesedaran tentang penjagaan alam sekitar turut dipupuk dalam kalangan generasi muda menerusi Pertandingan Mewarna Kanak-kanak dengan kerjasama SWM Environment. Pertandingan ini melibatkan 50 kanak-kanak dan menggalakkan mereka meneroka tema kelestarian serta pemeliharaan alam sekitar melalui kreativiti.

Seramai 120 pengunjung menyertai Bengkel serta Ceramah Kelestarian dan Kreativiti yang merangkumi aktiviti menghasilkan lilin beraroma, aksesori perhiasan, beg tote daripada plastik terpakai serta hiasan cermin. Aktiviti ini memberi pendedahan tentang cara memanfaatkan bahan terpakai secara kreatif, sekali gus menggalakkan amalan kitar semula dan gaya hidup lestari.







Menggalakkan pengurusan sisa secara bertanggungjawab serta amalan ekonomi kitaran melalui inisiatif kitar semula dan penghasilan produk baharu daripada bahan terpakai dalam komuniti.

Objektif Program

Memupuk kesedaran terhadap alam sekitar dalam kalangan kanak-kanak, belia dan keluarga melalui pendidikan kelestarian serta aktiviti pembelajaran kreatif dan interaktif.

Menggalakkan penglibatan komuniti dan kerjasama merentas sektor bagi memupuk budaya menjaga alam sekitar serta mengamalkan gaya hidup lestari.

Impak Program

Mengumpulkan **2.5 tan** bahan kitar semula daripada **45 isi rumah** menerusi inisiatif Waste to Wonders Drive-Thru Recycling, sekali gus mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan.

Mempromosikan gaya hidup lestari melalui **empat bengkel kreatif** yang memperkenalkan cara menghasilkan produk berguna daripada bahan terpakai.

Melibatkan **170 peserta komuniti**, terdiri daripada **120 peserta** bengkel kelestarian dan **50 kanak-kanak** yang menyertai pertandingan mewarna.



SDG Berkaitan



1 Million Roots for the Future: Satu Benih, Sejuta Harapan



Yayasan JCorp bersama Johor Plantations Group Berhad (JPG) dan Briged Bakti Malaysia menganjurkan program penanaman pokok di bawah inisiatif *1 Million Roots for the Future* pada 30 April 2026 di IPG Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat. Bertemakan Satu Benih, Sejuta Harapan, inisiatif ini melambangkan bagaimana satu langkah kecil hari ini mampu membawa manfaat kepada generasi akan datang.

Seramai 120 sukarelawan daripada JPG, IPG Kampus Tun Hussein Onn, PERHEBAT Cawangan Kluang, KPJ Batu Pahat Specialist Hospital dan Briged Bakti Malaysia menyertai program ini dengan menanam 200 pokok yang terdiri daripada spesies Kasai, Ficus Gold dan Balau Sekawang Air. Inisiatif ini bukan sahaja menghijaukan kawasan kampus, malah meningkatkan kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar serta menggalakkan penglibatan komuniti dalam usaha menangani perubahan iklim. Program ini turut dihadiri oleh YB Dato' Mizan Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, bersama wakil JPG, Briged Bakti Malaysia dan IPG Kampus Tun Hussein Onn.





Impak Program

- Menggerakkan **120 sukarelawan** daripada pelbagai organisasi korporat, pendidikan, kesihatan dan komuniti.
- Sebanyak **200 pokok** daripada spesies Kasai, Ficus Gold dan Balau Sekawang Air ditanam di sekitar kampus.



Objektif Program

- **Memacu kelestarian alam sekitar** melalui penanaman pokok dan pemulihan ekosistem.
- **Menggalakkan aktiviti kesukarelawanan dan penglibatan komuniti** dalam usaha bersama menangani perubahan iklim.
- **Memantapkan kerjasama strategik** antara rakan korporat, institusi pendidikan dan organisasi komuniti bagi mewujudkan persekitaran yang lebih lestari.

Imbas kod QR ini untuk melihat video aktiviti penanaman pokok ini:

SDG Berkaitan



Memperkukuh Silaturahim melalui Keprihatinan dan Kasih Sayang







Sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri, Yayasan JCorp terus menyantuni golongan yang memerlukan menerusi dua inisiatif yang menyemai nilai keprihatinan, kemurahan hati dan keterangkuman sosial sepanjang musim perayaan.

Majlis Jalinan Kasih Kumpulan Johor Corporation yang berlangsung pada 7 April 2026 di Persada Johor International Convention Centre, Johor Bahru, meraikan seramai 32 anak yatim, warga emas dan orang kurang upaya (OKU). Bersempena dengan majlis tersebut, Yayasan JCorp menyalurkan sumbangan berjumlah RM20,000 kepada empat organisasi kebajikan. Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh YB Dato' Mohammed Ridha bin Dato' Abd Kadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, yang mencerminkan komitmen berterusan Yayasan JCorp terhadap kesejahteraan komuniti.

Seterusnya, Yayasan JCorp menganjurkan Majlis Ramah Mesra pada 13 April 2026 di Pusat Jagaan Warga Emas Nur Ehsan bagi mengeratkan hubungan dan menyantuni penghuni pusat jagaan. Program ini turut mendapat sokongan sukarelawan Sahabat Yayasan JCorp dan Yayasan Warisan Johor. Selain itu, Yayasan JCorp menyalurkan sumbangan berjumlah RM7,500 kepada tiga pusat jagaan warga emas yang lain.

Imbas kod QR ini untuk melihat sorotan kedua-dua program:

SDG Berkaitan



Objektif Program

Memperluas sokongan kepada golongan yang memerlukan melalui program kebajikan dan aktiviti kemasyarakatan sempena musim perayaan.

Memupuk nilai keprihatinan, keterangkuman sosial dan hubungan yang lebih erat dalam komuniti sempena sambutan **Hari Raya Aidilfitri**.

Menjalin kerjasama dengan rakan strategik dan organisasi kebajikan bagi meningkatkan kesejahteraan komuniti yang memerlukan.

Impak Program

Memberi manfaat kepada **32 anak yatim**, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) menerusi Majlis Jalinan Kasih Kumpulan Johor Corporation.

Menyalurkan sumbangan berjumlah **RM27,500** kepada tujuh organisasi kebajikan bagi menyokong kesejahteraan warga emas, anak yatim dan orang kurang upaya (OKU).



Neurodivergent Raya Fun Run 2026: Menyemai Semangat Kebersamaan

Yayasan JCorp terus menyokong usaha membina masyarakat yang inklusif menerusi penganjuran *Neurodivergent Raya Fun Run* 2026 di Taman Tropika UTM, Johor Bahru, yang menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat. Dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Kanak-Kanak Autisme Johor Bahru (PKAIJB), program ini berlangsung bersempena JCorp Group Sustainability & Yayasan JCorp Open Day 2026 serta Bulan Kesedaran Autisme.

Seramai 480 peserta telah menyertai program ini, terdiri daripada kanak-kanak dan orang dewasa neurodivergen, ibu bapa dan penjaga, pendidik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sukarelawan, rakan korporat serta orang awam. Selain aktiviti rekreasi, program ini turut menjadi platform untuk mereka berinteraksi, menggalakkan pemahaman yang lebih baik tentang autisme dan neurodivergen, di samping memupuk sokongan komuniti yang lebih kukuh terhadap individu dalam spektrum autisme.

Program ini disempurnakan oleh YB Dato' Mizan Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, dan dihadiri oleh Encik Bahrin Bakri, Ketua Pegawai Operasi Waqaf An-Nur, serta Puan Siti Noraisikin Mohd Jazuli, Pengerusi Persatuan Kanak-Kanak Autistik Islam Johor Bahru (PKAIJB).

Program *Neurodivergent Raya Fun Run* ini mencerminkan komitmen jangka panjang Yayasan JCorp dalam memastikan kesejahteraan komuniti. Sejak 2024, Yayasan JCorp telah menyalurkan RM80,000 kepada inisiatif berkaitan autisme untuk menyokong usaha memperkasa individu neurodivergen, meningkatkan penerimaan komuniti serta mewujudkan lebih banyak peluang yang selaras dengan keperluan semua individu.

Imbas kod QR untuk menyaksikan acara larian:

SDG Berkaitan



Objektif Program

Meningkatkan kesedaran, pemahaman dan penerimaan komuniti terhadap individu neurodivergen.

Menggalakkan penglibatan komuniti secara inklusif dengan menghimpunkan individu neurodivergen, keluarga, pendidik, NGO, rakan korporat dan orang awam.

Memperkukuh kerjasama strategik dalam menyokong komuniti autisme.

Impak Program

480 peserta menyertai larian yang mencerminkan semangat keterangkuman, empati dan perpaduan sosial.

RM80,000 disalurkan sejak 2024 bagi menyokong program dan inisiatif untuk memperkasa komuniti autisme.

Program Korban Kasih 2026

Sempena sambutan Hari Raya Aidiladha, Yayasan JCorp telah menganjurkan Program Korban Kasih 2026 dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Ihsan Melana Johor Bahru. Program yang diadakan pada 28 Mei 2026 di Surau PPR Melana Indah Fasa 2, Perling, Johor ini mencerminkan komitmen berterusan Yayasan JCorp dalam menyokong komuniti melalui nilai kasih sayang, kemurahan hati dan keikhlasan berkongsi rezeki.

Selepas kejayaan pelaksanaannya pada tahun 2025, Program Korban Kasih diteruskan untuk tahun kedua dengan skala yang lebih besar. Pada tahun ini, sebanyak tujuh ekor lembu dikorbankan dan daging korban diagihkan kepada 735 penerima yang terdiri daripada keluarga asnaf dan penduduk sekitar Perling. Seramai 200 sukarelawan daripada Johor Corporation, Johor Plantations Group Berhad dan komuniti setempat turut membantu dalam persiapan dan pengagihan daging korban bagi menjayakan program ini.







Objektif Program

Menyantuni golongan asnaf dan masyarakat yang memerlukan bersempena Hari Raya Aidiladha.

Menyemarakkan nilai keprihatinan, pengorbanan, kesukarelawanan dan kebersamaan.

Memperkukuh kerjasama antara sukarelawan korporat, organisasi komuniti dan masyarakat setempat.

Impak Program

735 keluarga asnaf dan penduduk sekitar menerima agihan daging korban daripada tujuh ekor lembu.

Seramai **200 sukarelawan** daripada Johor Corporation, Johor Plantations Group Berhad dan komuniti setempat terlibat.

SDG Berkaitan



Memperluas Akses Perkhidmatan Kesihatan bagi Komuniti Pulau Aur

Hospital Pakar KPJ Pasir Gudang melaksanakan Program Saringan Kesihatan Percuma Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) selama dua hari pada 25 dan 26 April 2026 di Pulau Aur, Mersing, bersempena Sambutan Ulang Tahun RTM ke-80 dan Johor FM. Inisiatif ini memberi manfaat kepada 115 penduduk menerusi saringan kesihatan, konsultasi perubatan dan fisioterapi secara percuma. Hospital turut berperanan sebagai Pasukan Pertolongan Cemas rasmi sepanjang program, menyokong usaha memperluas akses kepada perkhidmatan kesihatan serta kesejahteraan komuniti.

Impak Program

115 komuniti Pulau Aur, pulau berdekatan dan krew produksi RTM menerima saringan kesihatan dan konsultasi perubatan percuma.

Sebanyak **5 perkhidmatan kesihatan** disediakan, merangkumi pemeriksaan tekanan darah, ujian glukosa darah, pengukuran BMI, konsultasi perubatan dan fisioterapi.





Objektif Program

Memperluas akses kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti bagi komuniti pulau yang kurang mendapat kemudahan kesihatan melalui program saringan kesihatan percuma.

Meningkatkan kesedaran tentang langkah pencegahan penyakit dan menggalakkan pengesanan awal penyakit dalam kalangan komuniti setempat.

Memperkukuh kesejahteraan komuniti menerusi kerjasama dengan RTM Johor, JOHOR FM dan pihak berkuasa tempatan.



SDG Berkaitan



Suku Tahun yang Dinamik: Aktiviti dan Libat Urus Yayasan JCorp pada Suku Kedua Tahun 2026

Sepanjang suku kedua 2026, Yayasan JCorp terus mempergiat usaha memperkasa komuniti dengan meneruskan momentum yang dibina sejak awal tahun menerusi pelbagai inisiatif yang memberi manfaat serta mencipta nilai jangka panjang kepada masyarakat di seluruh Johor dan luar negeri. Selaras dengan komitmen berterusan terhadap empat bidang fokus, Yayasan JCorp memperkukuh pelaksanaan program sedia ada di samping memperkenalkan inisiatif baharu bagi menyokong pembangunan mampan dan inklusif demi kesejahteraan komuniti masa kini dan generasi akan datang. Yayasan JCorp turut memperkukuh kerjasama dengan rakan strategik, penerima manfaat dan pihak berkepentingan bagi memperluas jangkauan inisiatif serta meningkatkan impak yang dihasilkan. Kerjasama berterusan ini membuka lebih banyak peluang dan manfaat kepada komuniti, sekali gus menyokong usaha mewujudkan perubahan positif yang berkekalan.







Antara sorotan aktiviti dan libat urus Yayasan JCorp bagi tempoh April hingga Jun 2026 ialah:



7 April 2026

Bersempena dengan Majlis Jalinan Kasih Kumpulan Johor Corporation, Yayasan JCorp meraikan seramai 32 orang anak yatim, warga emas dan orang kurang upaya (OKU), di samping menyalurkan sumbangan sebanyak RM20,000 kepada empat organisasi kebajikan bagi membantu memenuhi keperluan dan menyokong kebajikan golongan yang memerlukan.



8 April 2026

Yayasan JCorp berjaya melaksanakan program DigiLIT: Creating Future Ready, Creating Digital Environments di SK Sayong Pinang dengan kerjasama JPNJ dan ICP Piles Cawangan Senai. Sumbangan sebanyak RM80,000 disalurkan bagi memperkasa kemahiran digital generasi muda melalui penyediaan kemudahan pembelajaran digital baharu.



13 April 2026

Yayasan JCorp menganjurkan Majlis Ramah Mesra Bersama Pusat Jagaan Warga Emas Nur Ehsan, di samping menyalurkan sumbangan sebanyak RM7,500 kepada tiga pusat jagaan warga emas lain.



26 & 27 April 2026

JCorp Group Sustainability & Yayasan JCorp Open Day 2026 telah diadakan di B5 Johor Street Market, Johor Bahru, sebagai platform bersepadu yang mengetengahkan aspek pendidikan, seni, budaya & warisan, kelestarian alam sekitar dan penglibatan komuniti. Berlangsung selama dua hari, program ini menerima 16,628 pengunjung dengan jumlah jualan sebanyak RM538,166. Antara sorotan utama ialah Waste to Wonders yang menggalakkan amalan ekonomi kitaran melalui pengumpulan bahan kitar semula, Pentas Seni Johor yang mengetengahkan persembahan seni dan budaya tempatan sempena Tahun Melawat Johor 2026, serta Neurodivergent Raya Fun Run yang dianjurkan bersama Persatuan Kanak-Kanak Autisme Johor Bahru (PKAIJB) bagi memupuk keterangkuman, menggalakkan gaya hidup sihat dan meningkatkan sokongan komuniti kepada golongan neurodivergen.



27 April 2026

Yayasan JCorp telah mengadakan Sesi Penilaian Akhir bagi 6 peserta Kursus Intensif Asas Tenunan Kain Benang Johor di bawah Projek Legasi Johor. Sesi penilaian ini diketuai oleh Encik Nor Syazlan Abd Razak, Pengarah Yayasan Warisan Johor; Puan Aliza Haryati Khalid, Pengurus Besar Yayasan JCorp; dan Puan Noor Azima Mohd Alwi, Pengarah Johor Kraf. Pelaksanaan kursus ini mencerminkan komitmen bersama dalam memelihara warisan budaya Johor serta melahirkan generasi pewaris berkemahiran bagi memastikan kelangsungan seni Kain Benang Johor untuk tahun-tahun mendatang.



30 April 2026

Yayasan JCorp telah menganjurkan program 1 Million Roots for the Future: Satu Benih Sejuta Harapan yang melibatkan 120 sukarelawan dalam penanaman 200 pokok terdiri daripada Pokok Kasai, Ficus Gold dan Balau Sekawang Air bagi memulihkan ekosistem serta menyokong kelestarian alam sekitar di kawasan berkenaan. Hadir sama, YB Dato' Mizan bin Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, bersama wakil utama JPG, Briged Bakti Malaysia dan IPG Kampus Tun Hussein Onn.



20 Mei 2026

Yayasan JCorp telah mengadakan Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) bagi membincangkan pelaksanaan Jelajah Pentas Seni Johor 2026 di Menara KOMTAR, JBCC. Inisiatif peringkat negeri ini bertujuan mendekatkan seni, budaya dan warisan kepada komuniti di daerah terpilih di Johor melalui penglibatan pihak berkepentingan dan rakan budaya, termasuk Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Johor, Majlis Kebudayaan Negeri Johor dan Tourism Johor. Perbincangan memberi tumpuan kepada penyelarasan idea dan hala tuju strategik program bagi memastikan pelaksanaan Jelajah Pentas Seni Johor 2026 memenuhi keperluan komuniti setempat serta mengangkat seni, budaya dan warisan Johor. YB Dato' Mizan Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, turut hadir semasa sesi pembentangan akhir peserta.



21 Mei 2026

Yayasan JCorp menerima Anugerah Penghargaan Rakan Strategik daripada Jabatan Pendidikan Negeri Johor sempena Anugerah Kecemerlangan Bakat Murid Peringkat Negeri Johor 2025 yang diadakan di SJKC Seg Hwa, Segamat. Majlis tersebut disempurnakan oleh YB Dato' Zahari bin Sarip, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor, manakala Puan Aliza Haryati Khalid, Pengurus Besar Yayasan JCorp, mewakili Yayasan JCorp untuk menerima anugerah berkenaan. Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen berterusan Yayasan JCorp dalam memperkasa sokongan pendidikan berimpak serta memperkukuh kerjasama strategik di seluruh Johor. Bagi meraikan pencapaian tersebut, Yayasan JCorp turut mengagihkan 300 pek snek KFC kepada para pelajar dan guru sebagai tanda penghargaan.



21 Mei 2026

Yayasan JCorp mencatatkan rekod Barisan Laksa Johor Terpanjang sepanjang 108 meter menerusi kerjasama bersama World Chefs Championship 2026. Pencapaian tersebut diiktiraf oleh Asia Book of Records dan ASEAN Records, sekali gus melakar pencapaian dalam mengetengahkan warisan dan identiti Johor di persada global.



24 Mei 2026

Yayasan JCorp menzahirkan keprihatinan kepada keluarga Allahyarham Muhamad Haiman bin Zulkefli, peserta cemerlang Akademi Dalam Industri (ADI) Kohort 2, menerusi kunjungan bersama QSR Brands. QSR Brands turut menyampaikan manfaat perlindungan insurans kepada keluarga Allahyarham sebagai sebahagian daripada perlindungan yang diterima peserta ADI sepanjang program, manakala Yayasan JCorp menyalurkan bantuan keperluan asas bagi meringankan beban keluarga. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman.



28 Mei 2026

Menerusi Program Korban Kasih, Yayasan JCorp mengagihkan dua ekor lembu untuk manfaat 735 penerima asnaf dan komuniti setempat dengan sokongan hampir 200 sukarelawan.



10 & 30 Jun 2026

Yayasan JCorp turut memperluas Program Sustainable School – STEM menerusi pelancaran rasmi Rumah Hijau Smart Farming ke-7 dan ke-8 masing-masing di SMK Seri Kota Puteri 2 dan SMK Tasek Utara. Inisiatif ini memperkukuh rangkaian Rumah Hijau Pertanian Pintar Yayasan JCorp di seluruh Johor, di samping memberi peluang kepada sekolah memperkasa pendidikan STEM melalui pembelajaran secara amali serta menjana pendapatan daripada hasil tanaman mampan.



11 Jun 2026

Yayasan JCorp menganjurkan Sustainable School – STEM Symposium 2026 yang menghimpunkan 300 pendidik, penggubal dasar dan rakan strategik bagi memperkukuh pembelajaran mampan. Antara sorotan utama ialah *STEM Prototype Showcase* serta majlis menandatangani *Heads of Agreement* (HoA) bersama Petrosains.



21 Jun 2026

Yayasan JCorp menyokong Program Festival Teater Zon Selatan di Panggung Seri, Kompleks JKKN Melaka sebagai sebahagian daripada usaha memelihara dan memperkasa warisan seni untuk generasi akan datang. Sokongan tersebut turut menyumbang kepada kejayaan Persatuan Gerak Teater Tari Johor Bahru yang muncul sebagai juara menerusi persembahan Teater Dalang. Mengetengahkan nilai kekeluargaan dan identiti budaya, Teater Dalang membawa kisah Ki Bayu, seorang dalang yang berusaha mempertahankan legasi seni keluarganya dalam mendepani perubahan zaman.



30 Jun - 2 Julai 2026

Yayasan JCorp menyokong Pertandingan *Young Debaters* Johor (Bahasa Inggeris) yang menjadi platform untuk menggalakkan pertukaran idea, memperkasa kemahiran komunikasi dan meluaskan pemikiran dalam kalangan generasi muda menerusi perbincangan yang bermakna. Anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Yayasan Raja Zarith Sofiah Johor, program ini menghimpunkan 55 pelajar cemerlang mewakili 11 Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di seluruh Johor. PPD Batu Pahat muncul sebagai Johan Pertandingan *Young Debaters* Johor (Bahasa Inggeris) Sekolah Rendah 2026 dan seterusnya mewakili Johor di peringkat kebangsaan.


Kalendar Acara
Suku Ketiga Tahun 2026

Pendidikan	Tarikh
1. Akademi Dalam Industri Graduation @ Johor Heritage Foundation	6 Julai 2026
2. TOT Yayasan JCorp English Tuition Project @ Hotel Seri Malaysia, Johor Bahru	28-29 Julai 2026
3. Johor State Level Choral Speaking Competition 2026 @ SJK(C) Chong Hwa 2, Kluang	15 September 2026

Alam Sekitar	Tarikh
1. Mangrove Tree Planting @ Tanjung Surat, Kota Tinggi	7 Julai 2026
2. Mangrove Tree Planting @ Tg Piai, Pontian	28 Julai 2026
3. Trees for Schools @ Sunjer, Kota Tinggi	8 & 9 Ogos 2026
4. Coral Rehabilitation Programme @ Pulau Aur, Mersing	4-6 September 2026

Seni, Budaya & Warisan	Tarikh
1. Pentas Seni Johor Pontian & Festival Rumpun Bugis Johor 2026	22-23 Ogos 2026
2. Pentas Seni Johor Segamat & Festival Kota Selatan 2026	25-27 September 2026

Kesejahteraan Komuniti	Tarikh
1. Laksamana Run 2026	8 Ogos 2026
2. The Changemaker Bootcamp	7-9 Ogos 2026



YAYASAN JOHOR CORPORATION

Level 18, Menara KOMTAR
80888 Ibrahim International Business District
Johor Darul Ta'zim, Malaysia

Emel: yayasanjcorp@jcorp.com.my

yayasanjcorp.com.my

@yayasanjohorcorporation
@yayasanjohorcorporation
@yayasanjcorp
@yayasanjcorp
@yayasanjcorp